Membaca Al-Quran di atas Kubur: Jawapan kepada Artikel Zamihan Mat Zin Al-Ghari.

Oleh: Abu Syu'aib, Mohd Khairil Anwar bin Abdul Latif,

Pegawai Penyelidik Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Perlis.

Merujuk kepada tulisan yang ditulis oleh **Zamihan Mat Zain al-Ghari** (penolong pengarah Institut Latihan Islam Malaysia ILIM) di dalam berita harian bertarikh Sabtu 17 November 2007, ruangan agama yang masih lagi menyentuh berkenaan persoalan Membaca al-Quran di kubur, saya ingin mengulas sedikit apa yang ditulis oleh beliau. Zamihan berkata di dalam akhbar tersebut "Ada banyak ayat al-Quran yang bersifat umum, tetapi boleh dijadikan panduan bagi menjawab persoalan apabila mafhum ayat itu dibincangkan serta diberi tafsiran yang lebih mendalam". Kemudian beliau membawakan firman Allah surah al-Thur ayat 21, lalu merumuskan amalan mereka yang masih hidup boleh memberikan manfaat kepada si mati.

Dalam persoalan ini perlu diberi penjelasan bahawa isu membaca al-Quran di atas kubur dan isu menyedekahkan pahala kepada si mati merupakan dua isu yang berbeza. Perkara yang hendak dibincangkan di sini ialah adakah disyariatkan membaca al-Quran di kubur atau ianya amalan yang tidak dicontohkan oleh rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Perbincangan adakah pahala yang dikirimkan kepada si mati sampai atau pun tidak, maka saya rasa perbincangannya bukan disini. Oleh yang demikian kedua-dua perkara ini hendaklah dibezakan.

Kesimpulan dari tulisan zamihan tersebut tiada satu dalil pun yang dibawa dapat menyokong hujah beliau bahawa amalan membaca al-Quran dikubur disyariatkan. Kecuali hanya satu hadis yang dibawa, iaitu dari Mubassyir dari Abdir Rahman bin al-Ala' bin al-Lajlaj dari bapanya bahawasanya dia berwasiat apabila dia meninggal dan setelah dia ditanam dibacakan di sisi kepalanya permulaan surah al-baqarah dan akhirnya.

Di dalam hadis ini terdapat rawi yang bernama Abdul Rahman bin al-Ala' bin al-Lajlaj dimana rawi ini merupakan seorang yang tergolong di kalangan rawi-rawi yang majhul (yang tidak dikenali) seperti yang disebutkan oleh al-Imam al-Zahabi sewaktu menceritakan biodata rawi ini di dalam kitabnya Mizanul I'tidal (2/574, no 4925) dengan katanya: "tiada seorang pun yang meriwayatkan daripadanya kecuali Mubasyar bin Ismail al-Halabi". Maka hadis yang terdapat di dalamnya rawi yang tidak dikenali menyebabkan taraf hadis dihukumkan oleh ulamak hadis seperti al-Albani sebagai dhoif (lemah) tidak boleh dijadikan hujah di dalam hukum hakam syarak. (Ahkamul Janaiz: 244)

Zamihan berkata: "Membaca al-Quran di atas kubur ternyata bukan bid'ah yang sesat kerana ada nas yang membuktikan bahawa Ibn Umar dan Abu Khalid al-Lajlaj mendengar galakkan daripada Nabi s.a.w supaya di baca ayat suci al-Quran di tanah perkuburan" Dakwaan Zamihan ini batil kerana sesungguhnya sanad hadis yang di bawa tidak sahih daripada Ibn Umar. Mendakwa sahabat melakukan sesuatu yang tidak diajarkan oleh nabi s.a.w. dengan riwayat-riwayat yang dhoif adalah suatu tuduhan jenayah. Dan Tidak terdapat riwayat yang menyatakan sahabat-sahabat yang lain melakukannya. Adapun hadis-hadis yang menyatakan bacaan

yasin, bacaan Qulhu wallahu ahad dan sebagainya di atas kubur kesemuanya maudu’ (palsu) dan La Asla lahu (tidak ada asalnya).

Tujuan daripada menziarahi kubur bukan untuk membaca al-Quran tetapi untuk mengambil I’tibar dan pengajaran mengingati kematian. Abu Said al-Khudri berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya aku dahulu melarang kamu menziarahi kubur, sekarang ziarahilah, kerana padanya terdapat pengajaran. Hadis sahih diriwayatkan oleh Ahmad (3/38/63/66) dan al-Hakim (1/374-375). Dari Anas bin Malik bahawa nabi s.a.w. bersabda: Aku dahulu melarang kamu menziarahi kubur, sekarang ziarahilah, kerana padanya dapat melembutkan hati, mengalirkan air mata dan memperingatkan akan akhirat, dan jangan kamu berkata perkara yang tidak baik. Diriwayatkan oleh al-Hakim (1/376) dengan sanad yang hasan.

Mengapa tujuan ini tidak diutamakan apabila menziarahi kubur untuk diterangkan kepada masyarakat selain hanya menyuruh membaca al-Quran di atas kubur? Nabi bersabda kepada Aisyah r.ha: sesungguhnya Tuhanmu memerintahkan kepadamu pergi ke perkuburan baqi’ lalu pohonlah keampunan dari Allah untuk mereka. Maka Aisyah bertanya kepada Nabi s.a.w. apakah yang aku perlu katakan? Nabi s.a.w. menjawab: ucapkanlah: Salam sejahtera ke atas penghuni rumah ini (kubur) dari kalangan Mukminin dan muslimin, semoga Allah merahmati mereka yang telah mendahului kami dan yang terkemudian dan sesungguhnya kami insya Allah akan menyusul sesudah kamu semua. Hadis riwayat Imam Muslim (3/14).

Sekiranya disyariatkan membaca al-Quran di kubur mengapa nabi s.a.w. tidak menyuruh Aisyah supaya melakukan yang demikian itu. Ini bercanggah dengan kaedah yang masyhur berbunyi “Tidak boleh menangguhkan penerangan di saat ianya diperlukan”. Kaedah ini membawa pengertian bahawasanya nabi s.a.w. tidak boleh menangguh untuk memberitahu dan menerangkan kepada umatnya suatu perkara yang penting dan diperlukan pada saat itu. Bahkan pula yang bertanya kepada nabi s.a.w. itu ialah isterinya, orang yang paling rapat dengan baginda. Dan sekiranya nabi s.a.w. tidak menerangkan pada saat itu menyebabkan kemungkinan nabi s.a.w. tidak dapat menerangkan pada waktu yang lainnya. Inilah yang dimaksudkan kaedah ini. Sekiranya membaca al-Quran itu amalan yang disyariatkan maka sudah pasti nabi akan mengajarkannya kepada Aisyah r.ha. disamping ucapan salam yang diajarkannya di dalam hadis berkenaan. Kerana membaca al-Quran adalah lebih afdal dari sekadar memohon keampunan untuk penghuni kubur.

Persoalan yang perlu difikirkan juga ialah di zaman nabi s.a.w. adakah terdapat di sana halangan untuk membaca al-Quran di kubur? jawapannya sudah tentu tiada halangan untuk melakukan demikian. Dan sekiranya tiada halangan dan ianya baik serta afdal mengapa nabi s.a.w. tidak mengajar dan menyuruh para sahabat melakukan perkara tersebut? Kaedah penting yang disebutkan oleh para ulamak “Sekiranya sesuatu amalan tertentu yang tidak dilakukan pada masa nabi s.a.w. hidup disebabkan adanya halangan yang menghalang dari ianya dilakukan, maka apabila halangan tersebut hilang selepas dari kewafatan nabi s.a.w. maka hukumnya harus diamalkan”. Contohnya solat tarawikh secara berjemaah, nabi s.a.w. tidak melakukannya berterusan kerana bimbang ianya diwajibkan, setelah kewafatan nabi s.a.w. kebimbangan tersebut telah pun hilang disebabkan terputusnya wahyu dengan kewafatan nabi. Maka setelah itu hokum mengamalkannya dibolehkan. “Dan sekiranya tiada halangan yang menghalang sesuatu amalan dilakukan, dan dalam masa yang sama nabi s.a.w. tidak melakukan dan menganjurkannya kepada para sahabat maka setelah kewafatan baginda s.a.w. amalan tersebut tidak disyariatkan”. Contohnya amalan membaca al-Quran di kubur. Sebab itulah pentingnya memahami al-Quran dan hadis-hadis baginda s.a.w. sebagaimana yang difahami oleh salaf iaitu para sahabat.

Menggunakan dalil yang umum untuk dijadikan hujah kepada amalan yang khusus merupakan kejahilan di dalam berinteraksi dengan nas-nas syarak. Sebagai contoh hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, bab kelebihan solat berjemaah yang bermaksud Solat berjemaah lebih afdhal daripada solat bersendirian dengan ganjaran 27 darjat. Hadis ini menunjukkan kelebihan untuk bersolat jemaah dan ianya bersifat umum. Adakah ianya boleh digunakan sebagai dalil untuk membolehkan solat qabliyyah dan ba'diyyah dilakukan secara berjemaah sebelum atau selepas melakukan solat fardhu di masjid? Jawapannya tidak boleh kerana ianya tidak pernah dilakukan oleh para sahabat radiallahu anhum. Maka begitulah kaedah di dalam memahami keseluruhan nas-nas syarak.

Tiada dalil yang sahih dan sorih (jelas) yang menunjukkan amalan membaca al-Quran di atas kubur disyariatkan. Daripada Abu Hurairah r.h. nabi s.a.w. bersabda: Jangan kamu jadikan rumah-rumah kamu sebagai kuburan, sesungguhnya syaitan akan lari dari rumah yang dibaca di dalamnya surah al-baqarah. Hadis riwayat Imam Muslim. Hadis ini menunjukkan bahawa rumah yang dibaca di dalamnya surah al-baqarah akan menyebabkan syaitan lari. Perumpamaan nabi s.a.w. rumah dengan kubur di dalam hadis ini secara mafhum mukhalafahnya (salah satu kaedah istinbat hukum, dibawah ketegori Mafhum al-Ghayah) kubur ialah tempat yang tidak dibaca padanya al-quran. Sekiranya kubur merupakan tempat disyariatkan membaca al-Quran maka perumpamaan nabi s.a.w. ini tidak membawa apa-apa erti, dan dalam erti kata yang lain perumpamaan rumah dan kubur itu adalah sia-sia. Dan ini mustahil kerana keseluruhan perkataan atau ucapan nabi s.a.w. melalui hadis-hadisnya itu membawa makna yang sangat mendalam tetapi ibarahnya sangat ringkas yang disebut sebagai jawamiul kalim. Seperti hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

Al-Imam al-Bukhari meriwayatkan dari sahabat Ibn Umar bahawa nabi s.a.w. bersabda: Jadikanlah sebahagian dari solat-solat kamu (solat sunat) itu di rumah dan jangan jadikannya seperti kubur. Riwayat al-Bukhari (1/420) hadis ini menunjukkan kubur bukan tempat mendirikan solat kerana nabi menyamakan rumah yang tidak dilakukan solat di dalamnya seperti kubur. Lakukankanlah sebahagian solat (solat sunat) kamu di rumah. Oleh sebab itu Imam Ibn Hajar menyatakan pernyataan nabi s.a.w. “jangan jadikannya seperti kubur” bermaksud kubur bukan tempat melakukan ibadah ketika mensyarahkan hadis ini di dalam fathul bari (1/766). Maka kesimpulan yang dapat di ambil dari hadis ini ialah oleh kerana membaca al-Quran merupakan ibadah yang sangat disuruh oleh agama, maka tempatnya bukanlah di kuburan, Ikutilah apa yang telah dianjurkan oleh baginda s.a.w. dengan membacanya di rumah dan secara tidak langsung dapat menghindarkan rumah dari gangguan syaitan.

Dari sudut yang lain kita perhatikan masyarakat kita yang pergi untuk menziarahi kubur terutamanya pada hari raya mereka telah melakukan satu kesalahan yang jelas di larang oleh agama untuk membaca al-Quran. Iaitulah dengan duduk di atas kuburan untuk membaca yasin dan sebagainya. Mengapakah perkara ini tidak diambil berat oleh masyarakat kita? Jawapannya disebabkan kerana kejahilan. Tidakkan kita mendengar hadis nabi s.a.w. “Adalah lebih baik bagi seseorang di kalangan kamu duduk di atas bara api sehinga terbakar pakaiannya dan melecur kulitnya daripada dia duduk di atas kubur”. hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam bab “Larangan duduk di atas kubur dan bersolat di atasnya” Maka sekiranya masih berdegil juga untuk melakukannya maka silalah membaca al-Quran di atas kubur secara berdiri, kerana diharamkan untuk duduk di atas kubur.

Zamihan berkata: “perlu diingat bahawa amalan yang tidak dilakukan Rasulullah s.aw. dan generasi salaf tidak boleh dijadikan alasan untuk mengharamkan sesuatu amalan selagi tidak ada tegahan putus daripada nas

syarak”. Perkataan seperti ini perlu diperhatikan semula dan diperincikan. Kerana sekiranya sesuatu amalan yang bersangkutan dengan permasalahan ibadah maka ianya tidak boleh dilakukan kecuali dengan nas syarak. Ini disepakati seluruh ulamak. Kerana sekiranya alasan tiada dalil putus yang melarang sesuatu perkara yang bersangkutan dengan ibadah diterima tidak ada amalan yang direka-reka oleh umat sekarang ini yang boleh dibantah. Tindakan Aminah Wadud yang mengimamkan solat jumaat tidak boleh dibantah kerana sudah pasti dia boleh berhujah bahawasanya tiada dalil yang melarang dan mengharamkan tindakan yang dilakukan. Kaedah yang disepakati oleh ulamak “asal sesuatu perkara di dalam permasalahan ibadah ialah tegahan atau larangan kecuali ada dalil yang mengharuskannya”.

Maka ibadah di dalam Islam boleh menjadi bid’ah sekiranya:

1. Setiap yang bercanggah dengan sunnah yang sahih sama ada perkataan, perbuatan atau aqidah walau pun hasil daripada ijtihad.

2. Setiap perkara yang tidak mungkin disyariatkan kecuali dengan nas (tauqifi). Namun, apabila tidak ada nas yang membenarkannya, ia juga termasuk perkara bidaah. Kecuali ia pernah dilakukan oleh para sahabat.

3. Setiap ibadat yang tidak ada keterangan cara perlaksanaannya dan hanya sekadar berdalilkan hadis-hadis daif atau palsu.

4. Setiap ibadat yang hanya dijelaskan secara mutlak (umum) kemudian dikhususkan oleh orang ramai seperti menetapkan tempat, masa, kaifiyat (cara) atau bilangannya.

Wallahu a’lam

(www.al-ahkam.net) (www.yapis.blogspot.com)

Jabatan Mufti Negeri Perlis, Aras 4 Kompleks Islam & Syriah Negeri Perlis,Jalan Pegawai 01000 Kangar,Perlis.